

USIM meterai MoA bersama TPMB dan HDC perkara industri halal



ASMA Ismail (tiga dari kiri) bersama Hasni Zarina Mohamed Khan (dua dari kanan) dan Ahmad Husni Johari (dua dari kiri) pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan Halal Industry Development Corporation dan TPM Biotech Sdn. Bhd. di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

SEREMBAN 28 Mac - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalinkan kerjasama dengan TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPMB) dan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) dalam usaha memperkasakan pembangunan teknologi berkaitan industri halal di negara ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, kerjasama antara tiga entiti itu dimeterai menerusi majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dalam menjayakan program Analisis Halal Profesional.

Katanya, enam modul latihan akan dihasilkan meliputi penyediaan latihan teknikal dan penyelidikan, perkongsian kepakaran serta ujian makmal.

"Ini bertepatan dengan USIM yang memiliki Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (Ihram) serta menerapkan ilmu aqli dan naqli iaitu gabungan al-Quran dan sunah

dengan ilmu sains terutama dalam konteks halal.

"Kita mahu dunia mengenali USIM sebagai universiti berteraskan Islam yang berkemampuan memainkan peranan pesat dalam memperhebatkan agenda halal ke dalam pasaran dunia," katanya ketika ditemui selepas majlis MoA antara TPMB dan HDC di Bangunan Canselori USIM di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif TPMB, Ahmad Husni Johari dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Hasni Zarina Mohamed Khan.

Menurut Asma, perkongsian pintar itu memudahkan lagi hasrat USIM untuk menerajui bidang halal antara pihak industri dan organisasi.

"Ini yang sebaiknya kerana jika kita bekerja seorang ia akan menjadi agak sukar tetapi apabila kita bekerjasama antara industri dan masyarakat segalanya akan menjadi lebih mudah," jelasnya.